



TEKS UCAPAN

PRESIDEN ANGKASA

YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH

ABDULLAH

MAJLIS ANGKASA BERSELAWAT

22 DISEMBER 2023 (JUMAAT)

9.30 PAGI

AUDITORIUM ANGKASA

Terima kasih Saudara/Saudari
pengacara majlis,

(Salutasi)

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Salam Malaysia Madani,
Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

**Hadirin Hadirat yang dihormati
sekalian**

1. Alhamdulillah marilah kita memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T atas Rahmat dan limpah kurnia Nya kerana pada hari ini kita sekali lagi dapat berkumpul untuk Majlis ANGKASA Berselawat pada pagi yang mulia ini.

2. Perjumpaan yang diadakan pada hari ini merupakan pentas untuk mengukuhkan silaturrahim sesama kita dan berselawat ke atas junjungan nabi kita Rasulullah SAW yang dapat menyemai rasa cinta yang mendalam terhadapnya.

3. Penganjuran majlis kerohanian seperti ini memberi imbangan buat diri kita dalam membentuk keperibadian dan akhlak yang cemerlang. Selain terdedah dengan program pembangunan ihsaniah, majlis kerohanian ini penting bagi menerapkan dalam diri masing-

masing tentang pentingnya keimanan dalam pembentukan sahsiah diri.

4. Walaupun masing-masing mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam bekerja, namun hari ini kita mengambil sedikit kesempatan untuk meluangkan masa mendekatkan diri kepada pencipta

dan pada masa yang sama membentuk nilai solidariti sesama umat Islam.

5. Justeru, sebagai tanda manifestasi seorang umat terhadap pemimpin paling agung sepanjang zaman, ia dizahirkan menerusi pengisian program kerohanian seperti ini yang juga

mendekatkan kita kepada pencipta
kita Allah S.W.T.

6. Amalan berselawat ke atas Rasulullah SAW merupakan satu amalan yang agung dan besar ganjarannya di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT : Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi

segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

Surah al-Ahzab (56)

7. Di kesempatan ini saya ingin menyeru barisan kepemimpinan, warga ANGKASA dan seluruh hadirin hadirat agar bersama-sama berselawat dan mengangkat ukhwah insaniah serta mengadaptasinya dalam kehidupan sehari-hari kita.

8. Sehingga di sini sahaja ucapan dan perkongsian ringkas saya pada hari ini. Semoga majlis ini mendapat perlindungan dan keredhaan daripadaNya.

Sekian wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.